



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 ( 85)

Tarikh : 22 September 2014

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM LAWATAN TURUN PADANG UNTUK PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN 1 MALAYSIA (TP1M)

**KLUANG, 22 SEPTEMBER 2014** – Y.B. Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melakukan lawatan turun padang ke Rumah Pangsa Jalan Dato' Hj. Ismail Hassan untuk Program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) pada pagi ini.

2. TP1M adalah program di bawah KPKT untuk membantu pihak pengurusan bangunan iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) rumah berstrata kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta membaik pulih kerosakan pada bangunan mereka.

3. TP1M yang dilaksanakan berdasarkan konsep geran sepadan/ *matching grant*, dengan kadar 90:10 bagi rumah berstrata kos rendah swasta dan 70:30 bagi rumah berstrata kos sederhana rendah swasta. Pihak kerajaan akan menyumbang sebanyak 90%/70% daripada kos projek dan 10%/30% akan dibiayai oleh pihak pengurusan perumahan (JMB/MC).

4. Program TP1M merangkumi 8 skop kerja iaitu :

- membaikpulihan/mengganti lif,
- membaikpulihan/mengganti tangki air dan sistem retikulasi,
- membaikpulihan/mengganti paip sanitari,

- membaikpulih/mengganti bumbung,
- membaikpulih/mengganti tangga dan *handrail*,
- mengecat bangunan,
- pendawaian semula
- membaikpulih kerosakan umum pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

5. 3 rumah berstrata kos rendah swasta di Kluang, Johor telah diluluskan untuk pelaksanaan program TP1M pada tahun ini seperti berikut:

- **Rumah Pangsa Jalan Dato' Hj. Ismail Hassan** mendapat RM277,800 bagi kerja mengecat semula bangunan dan pendawaian semula elektrik. Kerja-kerja akan melibatkan 2 blok bangunan dengan 456 orang penghuni.
- **Rumah Pangsa Jalan Hj. Manan** mendapat RM1.006 juta untuk kerja mengecat semula bangunan yang melibatkan 8 blok di rumah pangsa ini yang didiami oleh 1,186 orang
- **Rumah Pangsa Taman Sri Kluang** untuk skop kerja mengecat semula bangunan dan pendawaian elektrik dengan kos yang diluluskan sebanyak RM 274,446 bagi 528 orang penghuninya.

6. Bagi Negeri Johor untuk TP1M 2014, KPKT telah meluluskan sebanyak 97 kawasan pemajuan untuk dibaik pulih di bawah program TP1M dengan nilai sebanyak RM 54 juta. Daripada 97 kawasan pemajuan tersebut, sebanyak 39 projek dengan nilai sebanyak RM 21.3 Juta akan dan sedang dilaksanakan di Negeri Johor Darul Takzim. 39 projek ini merangkumi 35 rumah berstrata kos rendah dan 4 rumah berstrata kos sederhana rendah.

7. KPKT juga melaksanakan Program NBOS7 yang bertujuan meningkatkan semangat kejiwaan dan penglibatan komuniti melalui kerjasama kreatif melibatkan jabatan-jabatan di dalam dan di luar Kementerian. 5 komponen utama NBOS7 ialah:

- membaikpulih bangunan dan harta bersama perumahan kos rendah di bawah Program TP1M dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)

- menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan seperti menurap semula jalan dan menaiktaraf longkang dan parit di luar bangunan.
- menaiktaraf landskap dan projek pengindahan oleh Jabatan Landskap Negara dengan menyediakan kemudahan rekreasi seperti taman permainan, laluan pejalan kaki dan penanaman pokok teduhan.
- pelaksanaan langkah-langkah Program Bandar Selamat oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD) seperti tempat letak motorsikal berkunci.
- pembersihan kawasan oleh Perbadanan Pegurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) seperti pelaksanaan kempen kebersihan dan kitar semula.

8. 15 Mei 2013, KPKT telah disusun semula pada dengan mengambil alih peranan berkaitan dengan Kesejahteraan Bandar dari Kementerian Wilayah Persekutuan. Selaras dengan pertambahan peranan dan fungsi baru ini, KPKT telah dan sedang merancang dan melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan kualiti hidup warga bandar selaras dengan visi KPKT iaitu Mewujudkan Persekitaran Hidup Yang Berkualiti dan Mampan Selaras Dengan Wawasan Negara.

9. Program baru KPKT khusus untuk penduduk bandar yang telah dirancang dan sedang dalam pelaksanaan selain daripada TP1M adalah penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Rumah Transit, program MyHOME dan MyBuskers Corners.

10 .Majlis pada pagi ini dihadiri oleh YB. Dato Hj Abd Latif bin Bandi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor; YB. Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mahkota, Kluang; Tuan Haji Adib Azhari bin Daud Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kluang; Tuan Haji Mohamed Ridzwan bin Abidin Setiausaha Bahagian Perkhidmatan Perbandaran KPKT; Puan Toh Bee Yen Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Jalan Dato' Hj. Ismail Hassan; Encik Kan Tan Nam Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah

Pangsa Jalan Hj. Manan; Encik Shabudin bin Osman Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Rumah Pangsa Taman Sri Kluang, pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Johor.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)